



**UNTUK SIARAN SEGERA**

**SIARAN MEDIA**

**NELAYAN DISARAN PAKAI JAKET KESELAMATAN KETIKA TURUN KE LAUT**

**MASJID TANAH**, 13 Mac 2017:- Jabatan Perikanan Malaysia mengingatkan kepada para nelayan di negeri ini untuk menggunakan jaket keselamatan ketika turun mencari rezeki di laut.

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Datuk Haji Ismail Abu Hassan berkata, Jabatan Perikanan memandang berat mengenai pematuhan pemakaian penggunaan jaket keselamatan ini kepada semua nelayan bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak di ingini berlaku.

Selain itu juga, **nelayan berperanan menjadi mata dan telinga bagi Jabatan** untuk mendapatkan maklumat mengenai kelestarian sumber perikanan, pencerobohan vessel perkakasan perikanan komersial, pencerobohan nelayan asing, gangguan penguatkuasa sempadan negara luar. Pihak Jabatan turut menasihatkan supaya para nelayan khususnya di negeri ini agar dapat menjalankan aktiviti menangkap ikan di kawasan perairan negara bagi mengelakkan di tangkap oleh pihak berkuasa maritim negara jiran, katanya kepada pemberita selepas Majlis Ramah Mesra Ketua Pengarah Perikanan bersama Nelayan dan Penternak Ikan di Pusat Konservasi Penyu Padang Kemunting di sini hari ini.

Pada majlis tersebut, Ismail turut menyerahkan jaket keselamatan kepada 190 ahli sukarelawan perikanan (SUPER) di negeri ini. Turut hadir sama Mohd Ghazali A. Manap, Pengarah Perikanan Negeri.

Terdahulu Ismail berkata, pendaratan Penyu Karah di Melaka, telah mencatatkan 383 pendaratan penyu dengan 42,248 biji jumlah telur yang berjaya dipungut. Daripada jumlah telur penyu tersebut, sebanyak 14,753 biji telur penyu yang berjaya ditetaskan, iaitu sebanyak 35% kadar tetasan. Usaha ini tidak akan berjaya sekiranya tiada kerjasama rapat antara Jabatan Perikanan dengan NGO seperti WWF serta penglibatan renjer-renjer penyu yang telah dilantik dan begitu dedikasi bersama kerajaan untuk memulihara spesies penyu ini. Simbolik menanam pokok merambong (*Scaevola taccada*) di perkarangan pusat ini akan dibuat di semua kawasan pendaratan penyu di Melaka sebagai salah satu usaha pemuliharaan habitat bagi persarangan penyu.

“Saya berharap semua ranjer dan pemungut telur penyu yang telah dilantik lebih giat menjalankan rondaan di kawasan seliaan tuan-tuan agar telur penyu ini tidak terlepas ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab”, ujarinya lagi.

Di majlis tersebut juga, Ismail turut mengulas mengenai **isu pemberian khinzir sebagai makanan ternakan ikan** yang berlaku di Kampar, Perak baru-baru ini. Jabatan Perikanan telah menjalankan siasatan secara bersepadu (NBOS) bersama Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Agama Islam Perak serta Majlis Daerah Kampar dan mendapati bahawa kolam ternakan ikan tersebut diusahakan secara haram di kawasan **bekas lombong**. Tindakan sewajarnya akan diambil terhadap pengusaha yang melanggar peraturan

melalui proses perundangan tertentu di bawah seliaan Jabatan/Agensi berkaitan.

Beliau turut mengulas berkaitan **Ancaman Keli Afrika Terhadap Ekosistem** yang hangat diperkatakan akhir-akhir ini. “Kita maklum ikan asing ini dilepaskan ke perairan sungai dengan tujuan aktiviti keagamaan tertentu seperti **membayar nazar dsb**. Ikan-ikan asing ini boleh menjadi pemangsa kepada ikan asli di perairan dan berbahaya kepada keselamatan awam, juga menjadi punca rebakan penyakit. Perkara ini bukan sahaja menimbulkan konflik dalam masyarakat kerana menjejaskan pendapatan nelayan darat yang sebenar.” ulas beliau.

Bagi isu ini, Jabatan Perikanan telah mengadakan **pemantauan** bertujuan untuk memberi nasihat termasuk mengedar risalah ke tokong-tokong yang dikenal pasti di Sg. Perai di Pulau Pinang, Daerah Kota Tinggi dan juga Daerah Muar sejak tahun 2015 lagi. Aktiviti ini akan diteruskan melalui Pejabat-Pejabat Perikanan Negeri seluruh negara.

“Saya mengharapkan **Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat)** bagi WP Kuala Lumpur dan Labuan yang telah diluluskan pada 28 Februari 2017 yang lalu akan **digunapakai di semua negeri** supaya supaya aktiviti akuakultur dan perikanan darat dapat dikawalselia dengan lebih berkesan. Ianya juga dapat mencegah perbuatan yang mengancam kualiti serta sumber perikanan dan tindakan yang sewajarnya boleh diambil ke atas kes-kes seperti ini” tambahnya.

####